

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK
[BALIK PULAU]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan senarai kerja-kerja penambahbaikan aset ataupun lokasi pelancongan sepanjang tempoh pandemik berserta kos supaya destinasi berkenaan sedia mengalu-alukan kehadiran pelancong apabila pintu sempadan kembali dibuka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah diperuntukkan sejumlah RM70 juta bagi melaksanakan Penyelenggaraan Kemudahan Pelancongan Termasuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak / Bangunan Warisan serta Projek-projek Di Bawah Peruntukan Kampung Budaya di seluruh negara.

2. Peruntukan bagi Penyelenggaraan Kemudahan Pelancongan Termasuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak / Bangunan Warisan terbahagi kepada dua program iaitu Penyelenggaraan Kemudahan/ Infrastruktur Pelancongan di bawah Pembangunan RP1, RMKe-12, Tahun 2021 dan Pemerkasaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Tahun 2021. Ia melibatkan:

- (i) 84 projek Penyelenggaraan Kemudahan/ Infrastruktur Pelancongan;
- (ii) 75 projek Pemerkasaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Tahun 2021; dan
- (iii) 6 projek bagi Projek-projek di bawah Peruntukan Kampung Budaya.

Sekian, terima kasih.